

● Sambungan minggu lepas

Seni bina Sabil ilham daripada al-Quran

SABIL mendapat namanya daripada nama sebuah mata air di dalam syurga yang dikenali sebagai *Salsabil*. Selain itu, seni bina Sabil juga banyak diilhamkan daripada ayat al-Quran lain terutamanya yang berkaitan dengan air dan minuman disediakan kepada penghuni syurga seperti beberapa ciri berikut iaitu *mata air yang mengalir* (*Surah al-Mukminun:50*), *diedarkan kepada mereka piala (untuk mengisi minuman)* (*Surah as-Shaaffat:45*), yang *diambil dari sungai yang mengalir* (*Surah al-Waqiah:18*).

Ketiga-tiga ciri ini merupakan asas kepada pembinaan Sabil, iaitu sumber airnya diambil dari sungai; minuman diberikan kepada rakyat dalam cawan; dan terdapat Sabil yang airnya mengalir ke dalam takungan untuk kegunaan orang ramai.

Tradisi menyediakan air untuk kegunaan orang ramai ini dikatakan bermula pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid apabila isteri baginda, Zubaydah mewakafkan satu tempat mata air untuk kegunaan para jemaah yang pergi ke Mekah, dikenali sebagai *Ain Zubaidah*.

Di Mesir, antara sumber air yang digunakan untuk diisi ke dalam tangki Sabil ialah Sungai Nil. Air diangkut menggunakan bekas yang diperbuat daripada kulit kambing dan dipunggah menggunakan unta dan keldai ketika musim panas.

Tangki air setiap Sabil akan dibersihkan

kesenian islam



Oleh ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
rosmahwati@ukm.edu.my

sebelum bekalan air diisi semula.

Ini bagi memastikan kebersihan air minum sentiasa terpelihara dan tidak memudaratkan orang ramai. Terdapat juga tradisi mewangikan air dengan daun selasih.

GAYA UNIK, ISTIMEWA

Seni bina Sabil di tiga wilayah Islam iaitu di Mesir, Iran dan Turki mempunyai gaya dan bahan binaan tersendiri. Di Mesir, kebanyakan bangunan Sabil mempunyai permukaan berwarna coklat seperti bangunan lain namun ia tetap diberi sentuhan pengindahan seperti ukiran arabesque, muqarnas, jali dan lantai yang dilitupi batu marmar.

Manakala di Iran, khususnya wilayah Fas yang masih mempunyai seni bina Sabil memiliki sedikit kelainan iaitu mempunyai pancuran dan takungan air di bahagian luar, sekali gus memberi lebih pilihan kepada orang ramai untuk kegunaan harian mereka.

Bekas takungan ini selalunya

merupakan bahagian yang paling berwarna-warni kerana dihiasi dengan potongan jubin berwarna yang kemudiannya disusun dalam bentuk geometri.

Tidak seperti di Mesir yang mempunyai bangunan tinggi, Sabil di Fas hanya mempunyai tingkat bawah tanah untuk tangki simpanan air dan satu tingkat atas tanah yang mempunyai bumbung untuk bahagian operasi.

Di Turki, bangunan Sabil yang didirikan mempunyai kedua-dua cara yang digunakan di atas.

Ia mempunyai bahagian untuk memberikan minuman dalam cawan dan juga bahagian takungan air di bahagian luar bangunan untuk kegunaan harian seperti membasuh muka dan untuk minuman haiwan tunggangan termasuk kuda serta unta.

Antara sebuah Sabil dibina semasa pemerintahan empayar Uthmaniyah ialah Sabil Sultan Ahmad III (1673-1736) yang terletak di luar pintu masuk Istana Topkapi Saray. Reka bentuknya seperti sebuah kediaman berbumbung dan mempunyai satu tingkat untuk bahagian pengagihan air.

Bangunannya diperbuat daripada batu marmar dan bumbungnya daripada kayu. Bumbungnya yang lebar memberi teduhan kepada mereka yang datang untuk mengambil air atau minuman. Rekaan dinding dan bumbungnya amat menarik dengan perincian ukiran yang memenuhi setiap ruang kayu.



SABIL Sultan Ahmad III yang menjadi tarikan pelancong di Turki pada hari ini.